

**SOALAN NO: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM [ BANDAR TUN RAZAK ]**

**TARIKH : 16 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik antara 2010 hingga 2015 kes demam denggi, peruntukan yang berkenaan dan perincian perbelanjaan dibuat mengikut kawasan parlimen di Kuala Lumpur serta pelan tindakan Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur demi membasmi wabak tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Statistik kes denggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:-

Tahun 2010 : 4,205 kes

Tahun 2011 : 2,038 kes

Tahun 2012 : 1,814 kes

Tahun 2013 : 2,570 kes

Tahun 2014 : 7,185 kes

Tahun 2015 : 8,332 kes

Peruntukan untuk menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi adalah dibawah pengurusan Ibu pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Sebanyak **RM 16, 948 871.70** telah dibelanjakan bagi menangani masalah peningkatan kes dan wabak denggi di Kuala Lumpur sepanjang tahun 2010-2015. Perbelanjaan ini digunakan untuk sewaan kenderaan, penyelenggaraan kenderaan dan mesin fogging serta pembayaran gaji pekerja sambilan harian. Namun begitu ini tidak termasuk untuk pembayaran emolumen dan pembelian aset. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:-

Tahun 2010 : RM 2,980,250.00

Tahun 2011 : RM 2,877,000.00

Tahun 2012 : RM 3,226,216.00

Tahun 2013 : RM 2,558,200.00

Tahun 2014 : RM 2,223,258.00

Tahun 2015 : RM 3,083,947.70

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi mengatasi masalah kes denggi dan juga wabak, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan K.Lumpur & Putrajaya serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan Pelan Tindakan yang memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti seperti berikut: -

1. Menubuhkan *Task Force* Denggi yang bermesyuarat setiap dua (2) minggu bagi membincangkan permasalahan denggi di antara Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan K.Lumpur & Putrajaya dan Dewan Bandaraya K.Lumpur;
2. Mengadakan mesyuarat denggi peringkat Kuala Lumpur secara bulanan bagi membincangkan permasalahan dan pelaksanaan tindakan dengan melibatkan pebagai agensi;
3. Melakukan aktiviti penghapusan tempat pembiakan Aedes dan audit kualiti untuk memastikan keberkesanan aktiviti ini;
4. Melakukan aktiviti Semburan Ruang Termal dan Semburan ULV apabila kes denggi dilaporkan dan menjalankan pemantauan harian dan mingguan;

5. Bagi lokaliti wabak tidak terkawal, pengambil alihan sementara lokaliti denggi tersebut oleh Jabatan Kesihatan dan dibantu oleh pihak Dewan Bandaraya K.Lumpur;
6. Melakukan aktiviti semburan *temephos* secara mingguan khususnya ke atas wabak tidak terkawal;
7. Melakukan pemantauan ke atas tanah lapang dan lot kosong dan menjalankan kerja pembersihan di kawasan yang mempunyai tempat berpotensi yang berisiko tinggi;
8. Melakukan operasi penguatkuasaan secara berkala seperti Operasi Tapak Bina dan Operasi Penguatkuasaan Premis Individu;
9. Mengenakan kompaun maksimum RM500 kepada premis yang ditemui pembiakan *Aedes* serta tindakan penutupan dan pendakwaan di mahkamah bagi tapak bina yang ditemui pembiakan; dan
10. Mengukuhkan aktiviti pendidikan kesihatan melalui aktiviti pondok panas, gotong-royong, sesi dialog dan ceramah serta kempen denggi bersama NGO.